

Rabu, Feb 28 2018

Cabar Mukhriz nyata pendirian isu BR1M

BH 28/2.

Alor Setar: Pemuda UMNO Kedah semalam mencabar Timbalan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Datuk Seri Mukhriz Mahathir untuk menyatakan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai 'dedak' politik.

Ketuanya, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin, berkata Mukhriz perlu menyatakan pendiriannya berhubung BR1M kerana sebelum ini ayahnya yang juga Pengerusi PPBM, Tun Dr Mahathir Mohammad pernah menganggap pemberian BR1M sebagai satu 'dedak' kepada rakyat.

+ Beliau berkata, cabaran itu susulan kenyataan Mukhriz melabelkan pengumuman peruntukan RM1.3 bilion untuk projek prasarana di Langkawi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak awal bulan lalu, sebagai 'dedak' menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

**Kenyataan Mukhriz
tidak matang**

Katanva, kenyataan bekas Menteri Besar

Kedah itu sama sekali tidak boleh diterima dan rakyat perlu menghukum keceluparan dan sifat tidak matang pemimpin berkenaan.

“Polemik ‘dedak’ dan beli undi hanya modal politik murahan parti pembangkang yang mahu terus meracuni minda serta fikiran pengundi,” katanya, semalam.